

# Semua tempat makan dan tandas Holland Village OK!

KESEMUA 106 tempat makan dan tandas awam di Holland Village telah mendapat label *Singapore's OK* (SOK).

Ini satu mercu tanda kejayaan *Program Buona Vista OK!* yang dilancarkan Menteri di Pejabat Perdana Menteri, Encik Lim Swee Say, yang juga penasihat kepada badan-badan akar umbi di kawasan itu, pada 17 Mei lalu.

Program SOK bertujuan menggalak pegerai menjaga kebersihan gerai, dan label tersebut hanya diberi kepada gerai setelah semua kakitangan, daripada pihak pengurusan hingga ke pekerja pembersihan dan pegerai, menjalankan tanggungjawab masing-masing dalam menjaga kebersihan.

Satu kenyataan Agensi Sekitaran Kebangsaan (NEA) berkata

Jawatankuasa Perundingan Rakyat (CCC) Buona Vista telah berganding bahu dengan NEA dalam mendekati tempat-tempat makan di Holland Village supaya mereka dapat menyertai *Program Buona Vista OK!* itu.

Encik Lim berkata kejayaan mendapat label SOK adalah hasil kerjasama dan komitmen semua pihak.

“Saya gembira melihat penyeriaan aktif pengendali kedai makanan di Holland Village, usaha tanpa kenal penat yang dicurahkan para pemimpin akar umbi dan para sukarelawan Buona Vista, dan kepimpinan NEA dalam menggalak kebersihan awam.

“Ini sudah tentu satu langkah besar bagi badan-badan akar umbi di Buona Vista, tetapi bukan langkah terakhir,” kata beliau.

Encik Lim berkata menyusuli kejayaan mendapat label SOK bagi Holland Village, sasaran seterusnya untuk mendapatkan label SOK bagi kesemua 198 tempat makan dan tandas awamnya di kawasan undi Buona Vista dalam masa tiga bulan.

NEA berkata bagi memastikan tempat-tempat yang telah mendapat label SOK mengekalkan mutu tinggi kebersihan, Pasukan Buona Vista OK! menjalankan audit di tempat-tempat tersebut setiap dua minggu.

Pasukan tersebut sejauh ini telah menjalankan 79 lawatan audit ke tempat makan dan tandasnya di Holland Village dan “mendapati mereka OK”.

Ketua Eksekutif NEA, Encik Andrew Tan, berkata pihaknya mengalu-alu usaha kawasan undi

tersebut di sebalik adanya penularan virus Influenza A H1N1.

Menurut beliau program SOK bagi pusat makanan dan kedai makan telah mendapat sokongan baik daripada pemegang taruhan, lebih-lebih lagi program itu bertujuan menggalak orang ramai mengamalkan tabiat menjaga kebersihan.

“Saya menggalak semua kawasan undi mencontohi Buona Vista dalam usaha melihat semua tempat makan mereka mendapat sijil *Singapore's OK!*,” kata Encik Tan.

Sehingga akhir bulan lalu sejumlah 11,973 tempat telah diberi status SOK.

Ini meliputi tempat-tempat seperti kedai makan, pusat makanan, pasar, tandas awam, prasekolah dan dormitori.